

Gigih dalam al-Quran

Cabaran guru-guru al-Quran terdahulu demi menjadi pemangkin semangat

Oleh DR. KHAIRUL ANUAR MOHAMAD

SUDAH menjadi kelaziman dalam masyarakat kita, subjek pendidikan Islam pertama yang diajar kepada anak-anak ialah membaca al-Quran. Perkara ini akan berterusan sehingga mereka khatam al-Quran bermula dengan mengajar membaca al-Quran samada melalui kaedah Iqra', kaedah Qiraati, kaedah Baghdadi dan seterusnya membaca al-Quran. Setelah khatam Quran kebiasaannya mereka tidak lagi membaca di hadapan guru.

Berlainan dengan pendidikan al-Quran di Tanah Arab. Mereka membaca al-Quran dan mempelajarinya di peringkat rendah. Di peringkat menengah mereka terus mendalami ilmu bacaan al-Quran dengan bertalaqqi daripada guru. Realitinya, hukum-hakam tajwid mudah difahami dan dikuasai dengan sebutan yang tepat ketika dewasa.

Perjalanan hidup

Meneliti perjalanan hidup guru-guru al-Quran dan cabaran yang mereka hadapi dalam mendalami ilmu al-Quran boleh memberi semangat kepada kita. Seorang tokoh al-Quran yang bernama Abdul Rahman al-Yamani yang meninggal dunia pada 1050 Hijrah menerima pendidikan al-Quran daripada beberapa guru yang hebat pada zamannya. Guru yang banyak mencurahkan ilmu kepadanya ialah ayahnya sendiri.

Beliau membaca juzuk demi juzuk sehingga sampai kepada ayat 41



Bicara Qiraat

surah al-Nisa yang bermaksud: *Maka bagaimanakah (keadaan orang-orang kafir pada hari akhirat kelak) apabila Kami datangkan daripada tiap-tiap umat seorang saksi (iaitu Rasul mereka sendiri) manjadi saksi terhadap perbuatan mereka) dan Kami datangkan engkau (wahai Muhammad) sebagai saksi terhadap umat ini?*

Selepas membaca ayat ini, ayahnya meninggal dunia. Namun beliau tidak patah semangat. Abdul Rahman al-Yamani meneruskan talaqqi al-Quran dengan memulakan surah al-Fatihah hingga khatam al-Quran kepada murid ayahnya iaitu al-Syihab Ahmad Ibnu Abdul Haq al-Sinbati.

Hakikatnya, kematian guru bukan penghalang untuk terus mencari ilmu. Cabaran seperti ini banyak hikmah bukannya menjadi penghalang untuk mereka menjadi ulama yang tersohor.

Talaqqi

Bagi Syeikh Qurra Mesir iaitu Syeikh Amir Uthman meninggal pada 1988 di Madinah. Antara guru yang banyak berjasa kepadanya ialah Syeikh Ali Ibnu Abdul Rahman al-Subayyi'. Syeikh Amir membaca al-Quran di hadapannya secara talaqqi dari awal al-Quran hingga ke surah Hud, ayat 41 yang bermaksud: *Dan ketika*

itu berkata lah Nabi Nuh kepada pengikut-pengikutnya yang beriman: Naiklah kamu ke bahtera itu sambil berkata, Dengan nama Allah bergerak lajunya dan berhentinya, sesungguhnya Tuhanku adalah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani. Sampai ke ayat ini, gurunya Syeikh Subayyi' meninggal dunia.

Syeikh Amir meneruskan talaqqi al-Quran dengan memulakan surah al-Fatihah kepada murid gurunya iaitu Syeikh Humam Qutb Abdul Hadi. Beliau juga talaqqi Qiraat Sepuluh sehingga berjaya khatam dan dianugerahkan sanad.

Saya membawa dua cerita berkaitan guru al-Quran yang tersohor menghadapi cabaran dengan kematian guru ketika talaqqi. Perkara ini tidak menjadi halangan kepada mereka untuk terus mendalami ilmu al-Quran. Bahkan mereka bangkit dan seterusnya menjadi pakar rukuk dalam bidang al-Quran.

Walaupun kita tidak mengenali susuk tubuh Syeikh Amir Uthman namun hasil didikannya berjaya melahirkan beberapa qari yang masyhur dan bacaan al-Quran mereka yang selalu kita dengar, seperti Syeikh Khalil al-Husari, Syeikh Mustafa Ismail, Syeikh Abdul Basit Abdul Samad dan lain-lain.

Membaca al-Quran dan mendalaminya perlu berterusan. Ia juga memerlukan guru yang mahir dan tidak memadai dengan seorang guru sahaja.

● **PENULIS** ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).



PENGAJIAN al-Quran harus dipelajari menerusi kaedah bertalaqqi agar sebutan dan hukum hakam tajwid dapat dikuasai dengan tepat.

- Gambar hiasan